

# Belum terlewat banteras unsur<sup>2</sup> buruk dalam UMNO - PM

MENTAKAB, 13 Julai - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, masih belum terlewat bagi ahli-ahli UMNO bertindak membanteras unsur-unsur buruk yang menular dalam parti

itu seperti politik wang, kepentingan diri dan mencari kedudukan dalam parti serta kerajaan.

Katanya, tidak terlewat semua ahli UMNO bertindak banteras gejala yang baru bermula itu dan seba-

liknya berusaha keras untuk menyemarakkan semula semangat memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara.

Menurut beliau, ini boleh dicapai dengan kesungguhan seluruh ahli parti menerapkan semangat mengutamakan kepentingan UMNO dari perasaan tamak haloba yang boleh menghancurkan masa depan parti itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan perkara ini dalam perutusan di buku cenderamata sempena perasmian persidangan perwakilan penubuhan UMNO bahagian Mentakab dan lawatan rasmi ke Temerloh esok, yang diadakan hari ini.

Perdana Menteri menegaskan sebagai parti politik yang menerajui pemerintahan negara, UMNO meneliti, menimbang dan memutuskan berbagai perkara bukan sahaja bagi kesejahteraan ahli-ahlinya, tetapi juga untuk kepentingan bangsa, agama dan negara.

"Malangnya, terdapat sekumpulan kecil ahli-ahli UMNO yang terikut-ikut dengan gejala tidak sihat dalam semangat perjuangan itu," ujarnya.

Katanya, mereka leka dengan politik wang, kepentingan diri dan kedudukan dalam parti serta kerajaan.

"Sekiranya semangat memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara

tidak diberi tempat sewajarnya, sebaliknya tamak haloba dan kepentingan diri lebih diutamakan, UMNO akan menuju kearah kehancuran," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri lagi, selepas sekian lama UMNO bergerak kemungkinan juga terdapat kepudaran semangat dan mungkin timbul sedikit-sebanyak unsur-unsur negatif.

Dengan itu, tegas beliau, tibalah masanya bagi ahli UMNO bersungguh-sungguh merenung sama ada semangat memperjuangkan agama, bangsa dan negara masih mempengaruhi pemikiran mereka atau ianya ditenggelamkan oleh politik duitan, kepentingan diri serta kedudukan.